

NO. SOALAN: 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 9 JUN 2015

RUJUKAN : 7930

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 dalam mengekang ancaman keganasan seperti kumpulan militan Negara Islam (IS) selepas diluluskan Parlimen Malaysia dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke-13 yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 di Dewan Yang Mulia ini dan telahpun dibahaskan dengan begitu hebat oleh kedua-dua Dewan Parlimen sebelum ianya diluluskan pada sesi yang lepas. Ternyata bukan mudah untuk Kerajaan menggubal sesuatu undang-undang baru walaupun ianya demi kepentingan keselamatan Negara. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut sama berbahas dalam memastikan Rang Undang-undang tersebut benar-benar merupakan suatu undang-undang yang cukup kuat untuk menangani ancaman keganasan yang dibawakan oleh mana-mana kumpulan militan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, POTA telah pun mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 28 Mei 2015 dan telah diwartakan pada 4 Jun 2015. Saya memberi jaminan bahawa akta ini akan diwartakan tarikh kuatkuasanya dalam kadar segera setelah tindakan-tindakan susulan dapat disempurnakan. Ini termasuklah dari segi Perlantikan Lembaga Pencegahan Keganasan, peraturan-peraturan dibawah undang-undang serta

pewartaan tempat tahanan khas untuk menempatkan tahanan-tahanan ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya menegaskan bahawa undang-undang baru ini adalah merupakan pilihan terakhir atau opsyen yang boleh dilakukan oleh Kerajaan di samping undang-undang lain yang sedia ada bagi menangani ancaman IS. Saya juga amat berkeyakinan dan InsyaAllah undang-undang baru ini mampu mengekang ancaman mana-mana gerakan kumpulan pengganas yang tidak .nanya tertumpu kepada kumpulan militan IS semata-mata.